Tuan Goh Hock Guan: The Honourable Minister just mentioned that the International Body and the *Observer* and so on say that the conditions are excellent in our camps. But that is international opinion and the Minister does

not care very much for it. But the point is this: International opinion may be satisfied with what is going on there, but we are not, the people are not evidently, and it is because of the frequent complaints and the doubts in the minds of the public that these allegations are made. Would not it, therefore, be for the benefit of the Government, and the Government wants to earn a lot of goodwill, and I think that is a good thing, for if Government is not prepared to allow a Parliamentary delegation to visit the jails and the detention camps, would the Government consider allowing the free Press in this country to visit these detention camps.

Tun Dr. Ismail: I am not aware if the Honourable Member is speaking on behalf of the Press in this House, because as far as I am concerned, although the Press criticises the principle of this Bill, yet they say that it is quite necessary in this country; and as far as I know there is no really very serious opposition to the principle of this Bill and if the Honourable Member thinks that the opinion of the International Body is not worth hearing, would he regard the Red Cross as a very responsible international body or not?

Tuan Goh Hock Guan: Sir, I regard the Red Cross as a responsible body.

Tun Dr. Ismail: It is from the Red Cross. So I need not answer any more on any further question on the treatment of the detainees in this country.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, just now I asked a supplementary question and the Minister has not replied to it and that is whether he will allow to satisfy world conscience and the national conscience that there is no atrocities, a Parliamentary Delegation to visit the Camp, and if not, why not unless he has something to hide?

Tun Dr. Ismail: Sir, as I said this Internal Security Act is a controversial subject as far as the political parties are concerned. Now, they all seem not to agree with the Alliance Government, but if they will support me wholeheartedly on this Act, I may consider the Honourable Member's plea to me. But before I know who are my foes, who are my friends, I must judge them by their actions, by their speeches. If they want to go there just to sneak and find out, to use weapons against me, rightly or wrongly, naturally as a seasoned politician, I must defend myself. (*Ketawa*).

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, would the Minister allow ex-detainees to visit the Camp? (*Ketawa*).

Tun Dr. Ismail: Is the Honourable Member hankering to go in again?

Tuan V. David: I was prompted to ask this question because they are fully aware of what is going on there, Sir. They will be competent authority, Sir.

TAHANAN² DI-BATU GAJAH

9. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan siapa yang memanggil Polis Tambahan ka-Tempat Tahanan Batu Gajah pada 27hb November, 1969 dan mengapa tahanan² yang ada di-situ dipukul.

Tun Dr. Ismail: Saya suka menjelaskan di-sini ia-itu soalan tersebut telah di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada meshuarat Dewan Ra'ayat yang lepas dan jawapan sa-chara bertulis telah pun di-beri. Oleh yang demikian saya tidak akan mengulang jawapan itu dan menasihatkan beliau merujuk sa-mula kepada jawapan yang telah di-beri itu.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengetahui bahawa Polis Tambahan di-negeri ini yang menjalankan tugas-nya untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negara terkadang² menunaikan kewajipannya terkeluar daripada perasaan belas kasehan sa-sama manusia sa-bagaimana yang berlaku baharu² ini dalam satu tunjok perasaan oleh penuntut² Universiti Malaya maka.....

Tun Dr. Ismail: Ini berkenaan dengan satu perkara yang terjadi—specific. Kalau Ahli Yang Berhormat ini hendak bertanya soalan tambahan atas soal umum, jadi saya fikir tidak ada kena mengena dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat tahu-kah jawapan yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi. Jawapan sudah pun di-beri. Ada-kah telah di-bacha jawapan itu?

Tuan Hashim bin Gera: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada macham mana boleh jawab ini?

Tuan Hashim bin Gera: Oleh sebab saya tidak terima, jadi saya tidak tahu, itu saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan baharu. Tidak boleh.

Tuan Hashim bin Gera: Tidak boleh? Tidak boleh terima kaseh-lah.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Supplementary Question, Sir. Has there been any occasion when the Minister has received any complaints on assaults on detainees?

Tun Dr. Ismail: This has nothing to do with this question. This question purports to the incident that occurred at Batu Gajah on the 27th November, 1969. I think I have answered this question in the previous meeting of Parliament when he asked a written question.

Tuan V. David: With your permission, Sir, I am keen to know whether the Minister will at least accept the fact that there had been assaults and the matter had been reported to him.

Tun Dr. Ismail: This is question and answer and he wants me to take advice too. I am supposed to answer him and not for him to give me advice.

HASIL PADI YANG DI-BELI OLEH FAMA

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

(a) jumlah hasil padi di-Kedah dalam tahun 1970; dan

(b) jumlah berat yang sanggup di-beli oleh FAMA.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil padi di-Kedah dalam tahun 1970 ia-lah sa-banyak 380,794 tan—ia-itu sa-banyak 282,398 tan dari tanaman musim 1969/1970 dan sa-banyak 98,395 tan daripada tanaman padi luar musim 1970.

FAMA telah mula membeli padi dalam bulan Julai 1970—ia-itu padi daripada hasil tanam luar musim 1970 Ranchangan Perayer-

an Muda pada Peringkat yang Pertama. Dari-pada musim itu sa-banyak 20,000 tan telah di-beli. Mengikut Akta FAMA telah ditubuhkan untuk membeli sa-bahagian sahaja daripada hasil padi yang di-keluarkan oleh petani². Hasil yang berlebihan daripada itu ada-lah di-anggap akan di-beri oleh pehak swasta dan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan berchadang untuk mengadakan satu Undang² untuk FAMA membeli keseluruhan-nya padi² yang di-keluarkan di-Negeri Kedah dan dapat-kah Menteri yang berkenaan memberikan satu tarikh yang tepat Undang² itu di-buat?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang² FAMA yang ada sekarang ini, kalau sa-kira-nya FAMA hendak membeli semua padi yang di-keluarkan dalam negeri ini yang ma'ana monopoly, maka terpaksa-lah Undang² itu di-pinda dan mesti di-bawa ka-Parlimen kerana Parlimen dalam tahun 1967 chuma membenarkan FAMA mengadakan ranchangan pembelian sa-chara monopoly di-dalam ta' lebeh daripada sa-tengah Negeri² dalam Malaysia ini. Pada masa sekarang ini FAMA, Ahli² Swasta dan juga Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada membeli padi dan saya perchaya dengan ada-nya perlumbaan membeli padi itu ini akan mendatangkan keuntungan kepada petani² dan peladang². Sa-kira-nya petani² dan peladang² tidak mendapat harga yang baik dari ahli² swasta maka boleh-lah mereka membawa padi mereka untuk di-jual kepada FAMA dan FAMA akan membeli semua padi yang di-bawa kapada-nya.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, what action has the Minister taken over the case of the 15,000 Malay farmers in the Sekinchan area of Selangor where FAMA was unable to buy up all the padi from these 15,000 farmers and as a result many thousands of piculs of padi just rotted in the field. Would the Minister give us an assurance that this kind of thing would not happen again and would the Minister consider adequate compensation to the 15,000 farmers involved?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak biasa

mendengar yang 15,000 peladang² petani² di-Sekinchan tidak dapat menjual padi. Saya minta kepada Ahli Yang Berhormat kalau dapat beritahu bila yang mereka tak ada dapat jual padi dan berapa banyak padi yang tak dapat di-jual-nya.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri Pertanian sedar yang bahawa nama FAMA dalam Negeri Kedah sekarang ini amat-lah jatuh di-pandangan umum. Lebih² lagi petani² kalau kita sebut nama FAMA, jadi sa-bagai satu musoh kepada petani² dan bagaimana-kah Menteri yang berkenaan berchadang atau pun berusaha untuk memperelokkan balek nama FAMA dalam Negeri Kedah.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat tahu nama FAMA ada-lah harum terutama sa-kali di-Tanjong Karang, Sabak Bernam, Kelantan, Pulau Pinang, Krian dan lain², chuma kachau bilau berlaku sadikit di-Kedah dan saya perchaya kalau sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat itu memberi kerjasama yang penoh kepada FAMA, sudah tentu-lah nama FAMA akan dapat menjadi harum bagi masa yang akan datang.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang bertanggung-jawab menyatakan FAMA tak dapat hendak membeli semua padi yang di-keluarkan oleh penanam² padi. Saya hendak betanya kepada Menteri itu, ia-itu jikalau sa-kira-nya FAMA tak dapat membeli padi² daripada kampong² ia-itu sawah² kita, ada-kah sedar atau tidak berapa harga yang di-bayar oleh pedagang² orang tengah terpaksa di-terima oleh pa' tani kerana FAMA tak dapat membeli-nya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi pada masa sekarang ini FAMA tidak dapat membeli padi keselurohan-nya di-dalam Negeri Kedah dengan sebab "infra structure" berkenaan dengan membeli padi di-dalam Negeri Kedah oleh FAMA belum siap lagi. Pihak FAMA pada masa yang sudah ia-itu tahun sudah, chuma dapat meminjam satu kilang di-Anak Bukit ia-itu kepunyaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan di-situ kita telah membena kompleks pengeringan padi dan membeli padi di-Anak Bukit, begitu juga kita telah membena satu kompleks pengeringan padi di-Arau

dan di-situ juga kita membeli padi. Tetapi Kompleks Pengeringan Padi di-Anak Bukit dan Arau chuma boleh mengambil sa-bahagian sahaja daripada padi yang di-keluarkan di-dalam Negeri Kedah. Kalau sa-kira-nya FAMA membeli semua sa-kali padi yang di-potong dalam Negeri Kedah, sudah tentu-lah padi² itu tidak dapat hendak di-bawa ka-kompleks pengeringan kerana kompleks itu ada had yang boleh menjalankan pengeringan. Pihak FAMA merancang membena 3 buah lagi kompleks pengeringan padi di-Negeri Kedah itu dan manakala kompleks² yang di-ranchang oleh FAMA itu siap kelak, maka kita akan tambah pembelian padi dari satu masa ka-satu masa. Pihak Kerajaan juga membuat ranchangan ia-itu dengan kerjasama daripada ahli² swasta kita dapat membeli padi keselurohan-nya yang di-keluarkan daripada Kedah.

Di-sini saya suka-lah mengingatkan kepada ahli ia-itu pengeluaran padi di-Kedah adalah meningkat dengan terkejut-nya dan dengan sebab ini kompleks² sa-umpama ini belum dapat di-siapkan dan manakala kompleks² ini siap kelak kita akan dapat membeli keselurohan-nya.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri berkenaan sedar bahawa nama FAMA yang di-katakan tidak baik itu ia-lah kerana di-momok²kan oleh sa-tengah² gulongan pemodal² dan lain² pihak.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan faham mengenai itu dan dengan sebab itu-lah saya minta kerjasama daripada ahli² swasta dan juga ahli² yang ada di-hadapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup. *(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup, dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 11 hingga 39 ada-lah di-beri di-bawah ini).*

KILANG² PADI DI-KEDAH— MENDIRIKAN

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama-ada FAMA berchadang mendirikan kilang² padi di-Kedah, jika ia, berapa dan di-mana kilang² ini akan di-bena.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: FAMA telah merancang membena 3 buah kilang beras di-Kawasan Perayeran Muda di-bawah Rancangan Malaysia Kedua ini. Di-mana kilang² ini akan di-tempatkan belum-lah lagi di-tentukan.

JENIS METER² WAP

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

- (a) Jenis meter² wap yang di-gunakan oleh FAMA di-Kedah sekarang.
- (b) Siapa yang memperkenalkan meter itu kepada FAMA.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Di-Negeri Kedah FAMA sedang mengguna meter jenis Iseki Rika buatan dari Negeri Jepun dan yang boleh mengukur wap basah hingga 30%. Meter ini pada pertama kali telah di-uji oleh MADA di-makmal-nya dan berdasar kepada ujian ini, meter jenis ini telah di-ambil untuk kegunaan FAMA.

KERAHAN TENAGA—TIMBANGAN UMOR

13. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan menggantikan lengkungan umur bagi Kerahan Tenaga sekarang, di-bawah Ordinan Kerahan Tenaga 1952, oleh kerana nampak-nya tiada perubahan kepada lengkungan umur itu semenjak di-ishtiharkan dalam tahun, 1963.

Tun Dr. Ismail: Soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan sekarang.

(*Dengan izin*) The question posed by the Honourable Member is currently being reviewed by Government.

PERSIDANGAN MENTERI² BAGI PEMBANGUNAN EKONOMI TENGGARA ASIA—PENYERTAAN MALAYSIA

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) garisan kasar rancangan² keselamatan dan pembangunan dalam semua bidang di-Malaysia sa-bagai anggota Pembangunan Ekonomi Tenggara Asia, dapat di-kawal; dan

- (b) nama negeri² yang mengambil bahagian rancangan pembangunan bersama² ini.

Perdana Menteri:

- (a) Nampak-nya Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai penyertaan Malaysia di-dalam Persidangan Menteri² bagi Pembangunan Ekonomi Tenggara Asia yang telah mengadakan Meshuarat Tahunan Ke-enam di-Kuala Lumpur pada 3hb hingga 5hb Mei, 1971.

Persidangan Menteri² bagi Pembangunan Ekonomi Tenggara Asia ia-lah suatu gabongan rantau (regional organisation) yang semata² bertujuan bagi mengadakan kerjasama ekonomi bagi pembangunan negara² di-Tenggara Asia. Usaha² kerjasama rantau ini ada-lah merupakan usaha² tambahan kepada usaha² yang di-buat oleh negara masing². Malaysia menganggapkan bahawa Persidangan Menteri² bagi Pembangunan Tenggara Asia ada-lah merupakan satu daripada badan² yang penting di-dalam beberapa Badan² rantau yang memberi kerjasama di-dalam usaha² pembangunan.

- (b) Negara² yang mengambil bahagian di-dalam Persidangan Menteri² tersebut ia-lah Indonesia, Jepun, Republik Khmer, Laos, Malaysia, Philippines, Singapura, Thailand dan Republik Vietnam. Pemmerhati² tetap di-dalam meshuarat² tersebut ada-lah dari Bank Pembangunan Asia, ECAFE, FAO, UNDP dan WHO.

PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA BERHAD—MODAL

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa modal Sharikat Perkapalan Kebangsaan;
- (b) berapa banyak daripada modal ini di-punyaï oleh pelabor² asing dan tempatan;
- (c) nama anggota² Lembaga Pengarah-nya;
- (d) jalan² yang di-laluï-nya;
- (e) sama ada Sharikat ini telah menjadi anggota Sharikat Perkapalan Antara Bangsa.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (a) Modal yang di-benarkan bagi Sharikat Perkapalan Kebangsaan yang juga dikenali sebagai Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (PPAM) ialah \$20 juta dan modal yang dikeluarkan dan di-bayar penuh ialah \$7 juta.
- (b) Daripada modal yang sudah di-bayar, sa-jumlah \$900,000 adalah dimiliki oleh Enche' Frank W.K. Tsao yang tinggal di-Hong Kong dan juga menjadi salah sa-orang daripada penanggu² sharikat itu, sementara yang lebeh-nya ia-itu \$6.1 juta adalah dimiliki oleh pelabor² tempatan dan Kerajaan Malaysia.
- (c) Nama² ahli Lembaga Pengarah sharikat ini adalah seperti berikut:
 Enche' Kuok Hock Nien—Pengerusi
 Enche' G.K. Rama Iyer
 Enche' Frank W.K. Tsao
 Tan Sri Taib bin Haji Andak
 Dato' Mohd. Shamsuddin bin Mohd. Yaacob.
- (d) Jalan² yang boleh di-lalui oleh kapal² PPAM ialah Hong Kong ka-Singapura /Port Swettenham/Penang ka-Eropa/U.K. dan sa-balek-nya.
- (e) PPAM ialah ahli Majlis Pengangkutan Timor Jauh.

(Dengan izin)

- (a) The authorised capital of the national shipping line, known as the Malaysian International Shipping Corporation Berhad (MISC), is \$20 million and the fully paid up capital is \$7 million.
- (b) Of the paid up capital, a sum of \$900,000 is owned by Mr. Frank W.K. Tsao, a resident of Hong Kong and one of the sponsors of the Company, while the remaining \$6.1 million is owned by domestic investors and the Malaysian Government.
- (c) The names of the members of the Company's Board of Directors are as follows:

Enche' Kuok Hock Nien—Chairman
 Enche' G.K. Rama Iyer

Mr. Frank W.K. Tsao

Tan Sri Taib bin Haji Andak

Dato' Mohd. Shamsuddin bin Mohd. Yaacob.

- (d) The routes on which MISC ships operate are Hong Kong to Singapore/Port Swettenham/Penang to Europe/U.K. and vice versa.
- (e) MISC is a member of the Far East Freight Conference.

FAKTOR EKONOMI MALAYSIA MAJU—SEBAB²

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan faktor² yang menyebabkan ekonomi Malaysia maju dengan pesat-nya menuju ka-arrah kema'amanan negara, dalam hubungan ini nyatakan dalam garisan kasar, faedah² yang akan di-nikmati oleh ra'ayat daripada ekonomi ini serta sharat²-nya.

Perdana Menteri: Faktor yang utama yang menyebabkan ekonomi Malaysia maju dengan pesat-nya ialah kerana semenjak Kemerdekaan Malaysia mempunyai satu Kerajaan yang stabil, kukuh, jujur dan dynamic dan mementingkan kesejahteraan dan kemajuan ra'ayat dengan mengadakan ranchangan² kemajuan yang terator dan melaksanakan ranchangan² itu pula dengan bersungguh² dan berkesan.

Faedah² kemajuan itu sangat nyata dan di-nikmati oleh seluruh ra'ayat.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH UGAMA

17. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah pehak Kementerian berchadang menambahkan kadar bantuan kewangan kepada sekolah² agama, memandangkan banyak perubahan² yang terpaksa di-buat untuk menyesuaikan sekolah² dengan kehendak² Kementerian, seperti menambah guru² untuk mata-pelajaran umum.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini maseh di-kaji.

NASIB UMAT ISLAM DI-FILIPINA— PERHATIAN MALAYSIA

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan perhatian yang di-berikan oleh Malaysia terhadap nasib umat Islam di-Filipina sama ada melalui Setiausaha Agong Sekretariat Islam Sa-dunia, Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, atau pun lain² saloran.

Perdana Menteri: Oleh sebab dasar luar negeri Malaysia ada-lah berpangkal kepada prinsip tidak champor tangan dengan hal ehwal dalam negeri lain dan juga oleh sebab perkara ini ada-lah satu perkara sensitif yang akan menyentoh perhubungan dengan negara² jiran dan juga Kerjasama baik wilayah ini seluroh-nya, maka saya tidak ingin menjawab soalan ini demi kepentingan umum (public interest).

(Dengan izin) In view of the fact that our foreign policy is based on non-interference in the internal affairs of other countries and that this matter is sensitive and would affect friendly relations with neighbouring states and would thereby jeopardise the friendly cooperation in the region as a whole, I would not wish to answer this question in the public interest.

PEMBERONTAKAN DI-SELATAN THAI—PANDANGAN KERAJAAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan Kerajaan mengenai pemberontakan di-Selatan Thai oleh orang² Islam Keturunan Melayu terhadap Kerajaan Thai.

Perdana Menteri: Oleh sebab dasar luar negeri Malaysia ada-lah berpangkal kepada prinsip tidak champor tangan dengan hal ehwal dalam negeri lain dan juga oleh sebab perkara ini ada-lah satu perkara sensitif yang akan menyentoh perhubungan dengan negara² jiran dan juga Kerjasama baik wilayah ini seluroh-nya, maka saya tidak ingin menjawab soalan ini demi kepentingan umum (public interest).

Kerajaan bukan sahaja tidak akan champor tangan bahkan tidak akan membenarkan mana² pihak melibatkan diri dalam soal ini.

(Dengan izin) In view of the fact that our foreign policy is based on non-interference

in the internal affairs of other countries and that this matter is sensitive and would affect friendly relations with neighbouring states and would thereby jeopardise the friendly cooperation in the region as a whole, I would not wish to answer this question in the public interest.

The Government shall not interfere and shall not allow anyone to be involved in this matter.

KURNIAAN BINTANG² KEHORMA- TAN OLEH D.Y.M.M.—JUMLAH

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan:

- jumlah orang yang telah di-kurniakan dengan bintang² kehormatan dan medal oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semenjak Merdeka;
- bilangan dan nama bintang² kehormatan itu; dan
- sama ada bukan warganegara telah di-kurniakan dengan bintang² kehormatan itu dan jika ia nyatakan bilangan-nya.

Perdana Menteri:

- Jumlah orang yang telah di-kurniakan dengan bintang² kehormatan dan pingat² oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semenjak Merdeka ia-lah 4,858 (Jumlah ini termasuk juga ahli² Kehormat).
- Bilangan dan nama bintang² tersebut ada-lah sa-perti berikut:

Bintang	Kurniaan Tetap	Kurniaan Kehormat
Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.)	14	25
Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)	17	30
P a n g l i m a Mangku Negara (P.M.N.)	58	109
Johan Mangku Negara (J.M.N.)	209	170
Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)	469	104
Ahli Mangku Negara (A.M.N.)	1,555	191
P i n g a t Pangkuan Negara (P.P.N.)	1407	113
Seri Setia M a h k o t a Malaysia (S.S.M.O.)	5	5

Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)	47	32
Johan Setia Mahkota (J.S.M.)	71	33
Panglima Setia Di-Raja (P.S.D.)	15	1
Johan Setia Di-Raja (J.S.D.)	28	2
Bentara Setia Di-Raja (B.S.D.)	35	
Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.)	7	
Panglima Gagah Berani (P.G.B.)	18	
Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P.)	32	
Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K.)	56	
Jumlah	4,043	815

- (c) Bilangan orang² yang bukan warga-negara Malaysia yang telah di-kurniakan dengan Bintang² Kehormatan dan Pingat² ia-lah: 815

KELAMBATAN MENDAPAT PEN-CHEN BAGI PERAJURIT²

21. Dato' Dr. Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perajurit² yang berpenchen dan yang berhenti berkhidmat juga balu² perajurit² selalu-nya terpaksa menunggu berbulan² dan kadangkala sampai dua tahun lebeh untuk mendapat wang penchen dan sugu hati yang mereka berhak mendapat dan keadaan ini telah pun berjalan sejak beberapa tahun; jika sedar; apa-kah tindakan yang telah di-jalankan oleh Kementerian untuk mempercepatkan bayaran dengan memberikan keterangan yang penoh mengenai langkah² yang telah di-ambil.

Perdana Menteri: Saya sedar bahawa sa-tengah² bekas anggota tentera kadang² terpaksa menunggu lama sa-belum mendapat wang penchen dan ganjaran mereka tetapi ini adalah terhad kepada kes² yang sukar yang mana kadang² memerlukan penubuhan Lembaga Penyiastaan dan juga rojokan kepada Jabatan² lain yang berkenaan. Bagi membantu mereka² ini Kementerian saya telah pun meng-ambil langkah² yang berikut:

- (1) Membayar penchen bulanan dahulu dan menangguhkan bayaran wang penchen

gantian tetap (commutated pension) sa-hingga kelulusan dari semua Jabatan lain yang berkenaan, seperti Jabatan Hasil Dalam Negeri, Perbendaharaan dan lain², di-dapati.

- (2) Memberi bayaran pendahuluan sebanyak 3 bulan gaji pokok kepada balu perajurit yang meninggal dunia akibat daripada kejadian yang tidak ada kaitan dengan tugas² tentera.
- (3) Sa-lain daripada langkah² tersebut diatas kemudahan² untuk mendapat pinjaman² wang dari Tabong Kebajikan Angkatan Tentera ada-lah di-beri untuk mengatasi kesulitan kewangan sa-hingga soal mengenai pembayaran penchen/ganjaran di-selesaikan.

(Dengan izin) I am aware that sometimes there is a delay in the payment of pension and gratuity of the ex-servicemen. This however is limited to the complicated cases which sometimes necessitate the setting up of board of inquiry and the making of reference to other Departments. When such cases of delay are foreseen the Ministry helps out the ex-servicemen by:

- (1) Paying him his monthly pension first and withholding the commutated pension until such time when clearance is obtained from the other Departments concerned like the Department of Inland Revenue, Treasury etc.
- (2) Making a payment of three months' basic salary in advance to the widow of a soldier whose death cannot be attributed to action or to service.
- (3) Apart from the above, loan facilities from the Armed Forces Consolidated Welfare Fund are also available to tide them over their financial difficulties until the question of the payment of pension/gratuity is finalised.

KESULITAN ANGGOTA² PASOKAN BERSENJATA DI-PANTAI TIMOR

22. Dato' Dr. Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar akan kesulitan yang di-hadapi oleh anggota² pasokan bersenjata yang berkhidmat di-Pantai Timor di-sebabkan kekurangan tempat² kediaman kelamin dan juga sikap dingin di-pehak anggota² dalam Kementerian Pertahanan tiap² kali masaalah tempat

kediaman di-timbulkan; jika sedar, apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk menyediakan tempat kediaman yang chukup bagi keluarga² anggota² pasokan bersenjata yang berkhidmat di-Pantai Timor sa-hingga 31hb Mei, 1971.

Perdana Menteri: Kementerian Pertahanan memang sedar tentang kesulitan² yang dihadapi oleh anggota² Pasokan Bersenjata yang berkhidmat di-Pantai Timor dan telah mengambil langkah² yang perlu untuk membena rumah² kediaman yang chukup bagi keluarga² Angkatan Tentera. Untuk ma'aluman Yang Berhormat pasokan² Angkatan Tentera yang berkhidmat di-Pantai Timor ada-lah di-tempatkan di-kawasan² Kota Bahru, Kuala Trengganu dan Kuantan.

Di-Kota Bahru hanya terdapat kekurangan perumahan bagi pegawai² sahaja. Untuk membantu Pegawai² ini Kerajaan memberi bayaran-balek sewa rumah sa-banyak \$300.00 sa-bulan.

Di-Kuala Trengganu, 7 buah bungalow untuk Pegawai² dan 10 unit perumahan bagi Pegawai² Waran telah di-siapkan dalam bulan Mei, 1971. Dalam bulan Februari, 1972:

18 unit rumah pangsa untuk Pegawai²;
24 unit perumahan untuk Staff Sergeants/
Sergeants dan 288 unit perumahan untuk anggota² berpangkat kopral dan ka-bawah di-harap akan siap di-bena.

Di-Kuantan sa-hingga sekarang 66 unit perumahan bagi Pegawai² dan 494 unit perumahan bagi anggota² lain² pangkat telah pun di-bena. Sa-banyak 38 unit lagi sedang di-bena sekarang. Kerja² untuk membena lagi 37 unit perumahan bagi Pegawai² dan 368 unit perumahan bagi anggota² lain² pangkat akan dimulakan dalam tahun ini dan kerja² ini di-anggap akan siap dalam tahun 1973.

(Dengan izin) The Ministry of Defence is aware of the difficulties faced by Armed Forces personnel with regard to housing in the East Coast and is taking every step possible to overcome the problem. For the information of the Honourable Member Armed Forces units permanently deployed in East Coast are located in Kota Bahru, Kuala Trengganu and Kuantan.

In Kota Bahru there is a shortfall in married quarters for Officers only. To overcome this

problem Officers are given a rent-refund of \$300.00 per month.

In Kuala Trengganu 7 Bungalows for Officers and 10 housing units for Warrant Officers were completed in May, 1971. By February, 1972:

18 unit of flats for Officers
24 units of staff sergeant/sergeant and 288 units for corporals and below are expected to be completed.

In Kuantan so far 66 housing units for Officers and 494 housing units for the other ranks have been built. 38 units are under construction. Work on the construction of 37 more housing units for Officers and 368 units for the other ranks will commence this year and is expected to be completed in 1973.

PERTUKARAN ANGGOTA² PASOKAN BERSENJATA—KESUKARAN

23. Dato' Dr. Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan, memandang kapada hal bahawa anggota² pasokan bersenjata sentiasa di-tukarkan dan jangka masa biasa mereka tinggal dalam sa-suatu tempat ia-lah sa-tahun atau paling lama dua tahun, sama ada Menteri itu sedar akan kesukaran yang menimpa anggota² pasokan bersenjata kita dan keluarga mereka dan juga bantuan yang sangat sedikit di-berikan oleh Kerajaan; jika sedar, apa-kah langkah² yang akan di-ambil untuk meringankan kesulitan² yang di-hadapi oleh anggota² pasokan bersenjata dan keluarga² mereka.

Perdana Menteri: Kerajaan sedar akan kesulitan² yang di-hadapi oleh anggota Tentera dan keluarga mereka tetapi perlu-lah di-ingati bahawa penukaran² ini bukan sahaja menjadi sa-bahagian daripada perkhidmatan tentera tetapi juga ada-lah di-sebabkan oleh keperluan² gerakan. Kekurangan rumah² kelamin dan kem² tetap ada-lah juga satu faktor yang mengakibatkan kejadian ini sunggoh pun Kementerian ini telah berusaha membena rumah² kelamin yang chukup untuk keluarga² Angkatan Tentera. Rancangan pembesaran Angkatan Tentera juga telah memerlukan penukaran beberapa orang pegawai² dan anggota² lain pangkat ka-unit² yang baru di-tuboh.

Untuk mengurangkan kesulitan² yang di-hadapi ini beberapa rancangan untuk membena pengkalan²/kem² tetap sa-bagai langkah

jangka panjang telah pun di-sediakan. Sementara itu Kerajaan sedang menimbangkan kemungkinan mengambil alih rumah² harga murah sa-bagai sewaan bagi anggota² tentera dan keluarga mereka. Tambahan lagi pertimbangan untuk memberi bantuan kewangan yang cukup untuk perbelanjaan penukaran juga di-jalankan. Pada masa sekarang elaan pemuliharaan (disturbance allowance) sa-banyak satu bulan gaji pokok di-berikan kepada anggota tentera yang di-tukarkan ka-Malaysia Timor.

(Dengan izin) The Government is fully aware of the inconvenience caused to our servicemen and their families but it must be appreciated that these transfers are not only a feature of military service but are also dictated by operational requirements. The shortage of permanent accommodation or base camps is another factor despite the fact that every effort has been made by the Ministry to build accommodation for the servicemen. The expansion of the Armed Forces has some bearing on the frequent move of officers and men who are picked to provide the initial cadre in establishing new units.

In order to minimise the inconvenience it is planned to establish permanent base camps as a long term measure. In the meanwhile the Government is seriously considering the acquisition of low-cost housing as hirings and rentals for servicemen and their families. Further consideration is also being given to enable servicemen to claim adequate financial assistance to meet the cost of transfers. At present a disturbance allowance of one month's basic salary is given to those transferred to East Malaysia.

PERTIKAIAN DI-PAKISTAN TIMOR— PENDIRIAN MALAYSIA

24. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandang kepada pertikaian di-Pakistan Timor baharu² ini, mengapa Kerajaan Malaysia tidak membuat sa-barang bantahan kepada Kerajaan Pakistan dan apa-kah pendirian Malaysia terhadap pertikaian itu.

Perdana Menteri: Malaysia tidak membuat sa-barang bantahan kepada Kerajaan Pakistan sebab Malaysia menganggap perkara ini sa-bagai hal dalam negeri Pakistan. Kita berharap perkara ini dapat di-selesaikan sa-chara aman oleh pihak² yang berkenaan.

(Dengan izin) No protest has been lodged because Malaysia regards the matter as an internal matter. We hope that it can be solved amicably by the parties concerned.

SALAM MUHIBBAH KAPADA KERAJAAN CHINA KOMINIS

25. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia telah mengirim apa² salam muhibbah kepada Kerajaan dan ra'ayat negeri China Kominis melalui rombongan perdagangan Malaysia yang melawat negeri China Kominis baharu² ini. Jika tidak, nyatakan sama ada kita telah membalas salam muhibbah yang di-hantar oleh Kerajaan China Kominis kepada Kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri: Kerajaan Malaysia tidak mengirim apa² salam muhibbah. Kita juga tidak membalas salam muhibbah yang di-hantar.

(Dengan izin) The Malaysian Government did not extend any such goodwill greetings. We have not returned the goodwill greetings extended either.

KAJIAN MENAREK PELANCHONG² KA-SARAWAK

26. Tuan Tibuoh anak Rantai minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan untuk menarek pelanchong² ka-Sarawak, sama ada beliau akan mengeshorkan supaya di-adakan sa-buah rumah panjang yang boleh di-lawati oleh pelanchong² dengan mudah.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kumpulan Pakar² Pelanchongan yang di-ketua² oleh Firma Belt Collins & Associates Ltd., Honolulu, yang di-lantek oleh Kementerian saya untuk membuat kajian mengenai pelanchongan telah pun mengeshorkan supaya peluang untuk melawat rumah² panjang patutlah di-sediakan bagi para² pelanchong.

Untuk menchapai tujuan ini maka Kumpulan Penasihat itu telah menchadangkan supaya satu kawasan yang terpilih perlu-lah di-sediakan di-mana keadaan hidup di-rumah² panjang dapat di-pertunjokkan. Dengan menyediakan kawasan ini bukan sahaja akan dapat memudahkan pelanchong² bagi melawati dan melihat sendiri chara penghidupan di-rumah² panjang bahkan penghuni² rumah² panjang boleh di-tunjok ajar supaya mereka

tidak-lah mempunyai perasaan sa-olah² diperbuat sa-bagai alat untuk memuaskan kehendak² pelanchong.

Usaha sa-demikian telah pun di-jalankan di-beberapa tempat di-dunia ini sa-umpama di-Kota Kolonial Williamsburg, Virginia, Amerika Sharikat dan di-Stratford-on-Avon zaman Shakespeare di-United Kingdom. Pada kebiasaan-nya tempat² sa-demikian memang-lah sangat² terkenal bukan sahaja kapada pelawat² tempatan bahkan terutama sa-kali kapada pelanchong² dari luar negeri.

Saya ada-lah mengambil perhatian berat di atas shor Ahli Yang Berhormat itu.

PERATORAN² PERENTAH 'AM BAB 'D' 1969 DI-KUAT-KUASAKAN

27. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Peratoran² Perintah 'Am Bab 'D' 1969 maseh lagi di-kuat-kuasakan; jika ya, bila-kah Kerajaan berchadang menarek balek peratoran² tersebut dengan tamat-nya dharurat sekarang.

Perdana Menteri: Peratoran² Perintah 'Am Bab 'D' 1969 itu maseh di-kuat-kuasakan. Memandang bahawa Peratoran itu ada-lah perlu untuk kawalan tata tertib yang berkesan dan menjamin kecekapan perkhidmatan awam, Kerajaan tidak berchadang hendak membatalkan Peratoran itu.

KERJA² BAHARU DAN MENGURANGKAN PENGANGGORAN

28. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) berapa-kah bilangan kerja² yang di-ujudkan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama; dan
- (b) sa-jauh mana-kah kerja² baru ini telah mengurangkan masa'alah penganggoran.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Ada-lah di-anggarkan sa-banyak kira² 350,000 pekerjaan telah di-bentok di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama.
- (b) Di-sabalek mengadakan peluang² kerja yang baharu di-dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, penambahan

tenaga kerja ada-lah melebihi dari bilangan² pekerjaan yang di-adakan. Akibat-nya maka tidak-lah berlaku pengurangan dalam kadar penganggoran.

(Dengan izin)

- (a) It has been estimated that about 350,000 jobs were created under the First Malaysia Plan.
- (b) Despite the creation of these new jobs during the FMP the labour force growth exceeded the number of jobs created. As a result there were no reduction in the unemployment rate.

SUMBER² KEWANGAN

29. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sumber² kewangan untuk Ranchangan Malaysia Yang Pertama; dan
- (b) sama ada jumlah ini di-pungut dari chukai², dari pinjaman² dalam negeri dan dari pinjaman² luar negeri, dan jika ya, berikan butir²-nya.

Tun Tan Siew Sin: (a) Sumber² kewangan untuk Ranchangan Malaysia Pertama telah pun di-chatitkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua yang di-kemukakan di-persidangan Dewan Ra'ayat ini saperti terkandung di-Jadual 5-2. Sumber² kewangan bagi pembangunan kalangan awam ia-lah dari lebehan sa-masa kira² Kerajaan (kebanyakan-nya daripada pungutan chukai), lebehan sa-masa perbadanan awam (kebanyakan-nya daripada perusahaan perdagangan), pinjaman² dari luar dan dalam negeri dan bantuan² dari luar negeri.

(b) Jumlah Perbelanjaan Pembangunan Kalangan Awam bagi Ranchangan Malaysia Pertama ia-lah \$4,242 juta. Sumber² kewangan ia-lah dari berikut:

1. Lebehan Sa-masa Kira ² Kerajaan	\$1,390 juta
2. Lebehan Sa-masa Perbadanan Awam	\$340 juta
3. Pinjaman Berseh Luar Negeri	\$458 juta
4. Pinjaman Berseh Dalam Negeri	\$1,864 juta
5. Bantuan Luar	\$243 juta

Pembiayaan ini mengakibatkan kenaikan harta kalangan awam sa-banyak \$53 juta.

MENGULANG KAJI RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA

30. Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri :

- (a) sama ada beliau akan mengulang kaji Rancangan Malaysia Yang Pertama; dan
- (b) sama ada ulang kaji ini akan d-bentangkan di-Dewan Ra'ayat di-waktu meshuarat bulan Julai ini.

Perdana Menteri: Ulang kaji Rancangan Malaysia Pertama ada terkandung di-dalam Bab II Rancangan Malaysia Kedua yang di-kemukakan sa-bagai Kertas Perintah No. 28/71.

PERKHIDMATAN FERI KA-DUMAI (SUMATRA BARAT)

31. Dr. A. Soorian bertanya kepada Menteri Pengangkutan bila-kah perkhidmatan feri dari Port Dickson ka-Dumai (Sumatra Barat) dan mungkin juga dari Pulau Pinang dan Melaka akan bermula. Terangkan perniagaan apa-kah yang akan di-jalankan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Perkhidmatan feri di-antara Pulau Pinang dan Belawan sedang di-jalankan hasil daripada galakan yang di-buat oleh dua buah negara jiran, ia-itu Indonesia dan Malaysia. Perkhidmatan feri tersebut di-adakan 3 hari sa-minggu oleh sa-buah kapal Indonesia bernama M.S. Mengkara yang berat-nya 1,131.6 tan dan boleh membawa 50 penumpang kelas 1 dan 150 penumpang kelas 11 laju 12 knot satu jam. Sa-buah sharikat Malaysia di-jangka akan memasoki perkhidmatan feri ini dalam bulan Ogos tahun ini dengan sa-buah kapal. Dengan ada-nya dua buah kapal tersebut maka perkhidmatan yang lebeh kerap dan baik boleh di-beri kepada orang awam. Kedua² buah sharikat Malaysia dan Indonesia itu akan memasoki Lembaga Pelabuhan Swettenham sa-bagai satu perkhidmatan mereka kelak.

Perkhidmatan feri ini ada-lah bagi membawa penumpang² dan barang² dagangan kecil sahaja termasuk barang² dagangan per-

tukaran (barter trade) yang di-bawa oleh penumpang² itu sendiri.

Mengikut laporan yang di-buat oleh sa-buah sharikat juru perunding, perusahaan feri di-selatan Selat Melaka saperti di-antara Dumai dan Pekan Baru di-Indonesia dengan Melaka dan Port Dickson di-Malaysia belum boleh menguntongkan kerana di-bahagian ini lalu lintas maseh kurang chukup lagi, dan sa-kiranya perkhidmatan di-mulakan dari sekarang perusahaan tersebut mungkin akan menemui kerugian di-dalam beberapa tahun. Sebab itu-lah sa-hingga sekarang kita belum ada perkhidmatan feri yang berjadual di-antara Melaka dan Dumai dan tidak ada langsung di-antara Port Dickson dan Dumai.

Ada-lah di-harapkan bahawa dengan permulaan perkhidmatan feri yang berjadual di-antara Penang—Belawan dan kemudian ka-Pelabuhan Swettenham akan merintis jalan kepada pembukaan perkhidmatan feri di-lain² pelabuhan saperti ka-Pelabuhan Melaka dan Port Dickson dengan Dumai dan Pekan Baru. Dengan ada-nya perkhidmatan tersebut orang² awam akan lebeh tertarek dengan perasaan hendak melanchong dan berniaga di-antara kedua² buah negara tetangga mereka.

DISPENSARI² BERGERAK—MENAM-BAHKAN

32. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menambahkan lagi bilangan dispensari² bergerak yang ada sekarang ini dan menyediakan lebeh banyak lagi kelinik² yang tetap letak-nya di-kawasan² luar bandar negeri Sarawak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Ya' Kerajaan akan mengadakan lebeh banyak lagi dispensari² bergerak dan kelinik² tetap di-kawasan² luar bandar di-Sarawak. Kerajaan telah pun menambah 3 buah dispensari bergerak dan 9 buah kelinik tetap pada masa Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Banyak lagi dispensari² dan kelinik tersebut akan di-bena dan di-perluaskan pada masa Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua.

(*Dengan izin*): Yes, Government would have more mobile dispensaries and provide more static clinics in Sarawak rural areas. Already 3 mobile dispensaries and 9 static

dispensaries were added in the First Malaysia Plan. More will be built and expanded during the Second Malaysia Plan.

PENANAMAN PADI SA-CHARA INTENSIF DI-SARAWAK

33. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan, memandangkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri sa-masa lawatan beliau pada bulan April baru² ini ka-Sarawak, sama ada benar atau tidak bahawa ranchangan² penanaman padi sa-chara besar² an tidak akan di-galakkan di-situ dan Sarawak terpaksa-lah mengimpot 40% daripada beras yang di-perlukan-nya dari Malaysia Barat.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Penanaman padi sa-chara intensif sa-memang-nya di-galakkan di-bawah Ranchangan Membantu Penanam² Padi dan di-bawah Ranchangan itu ada-lah di-chadangkan untuk membuka dan membaiki sa-luas 11,000 ekar lagi tanah dalam tempoh 1971—1975. Kebanyakan ranchangan² ini ada-lah kecil sahaja ia-itu kurang dari 300 ekar. Ranchangan parit dan taliayer yang lebih besar akan di-laksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliayer. Satu daripada tujuan² besar membuka tanah padi (sawah) yang baru di-Sarawak ia-lah untuk mengurangkan keluasan tanah bagi padi bukit atau untuk mengurangkan tanaman berpindah-randah dan menggalakkan satu chara pertanian yang lebih tetap dan setabil. Oleh yang demikian ada-lah di-ragui sama ada kawasan tambahan ini akan memberi kesan untuk mengurangkan impot dari 35%.

PUSAT² LATEHAN GURU DI-SARAWAK

34. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan:

- (a) lebih banyak pusat² latehan bagi guru² terutama di-peringkat Bahagian;
- (b) lebih banyak sekolah² menengah rendah terutama di-peringkat Bahagian;
- (c) lebih banyak maktab² teknik, pertanian dan kemahiran terutama di-peringkat Bahagian di-Sarawak, memandangkan kepada pembatalan Pepereksaan Masok

Darjah 6 Rendah di-dalam Negeri Sarawak dan kemasokan murid² dari sekolah² rendah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya menjawab soalan Yang Berhormat itu hanya dalam "context" peruntukan yang di-chadangkan untuk Sarawak dalam ranchangan pembangunan Malaysia kedua.

- (a) Tidak ada peruntukan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua sebab Maktab² Perguruan yang ada sekarang men-chukopi pada masa ini.
- (b) 7 buah sekolah menengah telah di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua.
- (c) Tidak ada peruntukan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua berkenaan Maktab² teknik, pertanian dan kemahiran (vocational). Tetapi 2 buah sekolah Vokeshenal (menengah) ia-itu di-Miri dan di-Sibu telah di-masokkan ka-dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

PUSAT² BELIA DI-SARAWAK—MENUBOHKAN

35. Chegu Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untuk menubuhkan Pusat² Belia di-Sarawak terutama sa-kali di-peringkat Bahagian supaya kemudahan² tersebut akan menggalakkan lebih ramai kaum² Belia untuk mengambil bahagian di-dalam pembangunan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak berchadang menubuhkan pusat² belia di-peringkat Bahagian di-Sarawak buat masa ini sa-hingga tiap² negeri telah mempunyai Pusat Pelbagaiguna.

PERKHIDMATAN RUMAH SAKIT DI-SARAWAK—MENGELOKKAN

36. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengelokkan keadaan:

- (a) perkhidmatan rumah sakit beranak dan perkhidmatan kesihatan kanak²;

- (b) perkhidmatan kesihatan luar bandar di-Sarawak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): (a) Perkhidmatan ibu² mengandung dan perkhidmatan kesihatan kanak² di-Sarawak ada-lah di-jalankan oleh Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan. Walau bagaimana pun di-dalam Rancangan Malaysia Yang kedua lebeh daripada 30 Klinik² Beranak dan klinik² untuk perkhidmatan kesihatan kanak² telah di-dirikan dengan bantuan Kerajaan. Kerajaan sekarang sedang berunding dengan pehak² tertentu untuk mengambil alih Perkhidmatan Kebajikan kanak² dan ibu² mengandung. Buat masa sekarang Kerajaan ada-lah bertindak sa-bagai penasihat sahaja kepada pehak² municipaliti dan Majlis Tempatan.

(b) Ya, sa-hingga tahun 1972 Kerajaan berchadang untuk mendirikan 12 buah chawangan pusat perkhidmatan kesihatan di-dalam bentuk baru yang akan memberi perkhidmatan yang lebeh sempurna daripada apa yang dapat di-berikan oleh chawangan pusat perkhidmatan kesihatan yang ada sekarang. Dalam masa berselurohan Rancangan Malaysia Kedua 17 buah daripada chawangan pusat perkhidmatan kesihatan bentuk baru itu di-dirikan di-merata² negeri (Sarawak).

(Dengan izin) (a) Maternal and Child Health Services in Sarawak are run by the municipalities and the local councils. However, in the First Malaysia Plan, over 30 M.C.H. clinics have been built with Government subsidies. Government is now negotiating with appropriate authorities to take over the maternal and child welfare services. At the moment, Government is acting only in an advisory capacity to the municipalities and the local councils.

(b) Yes, by 1972 Government proposes to build 12 rural health sub-centres of new types which will provide more complete services than what are being provided by the existing sub-centres. During the whole Second Malaysia Plan 17 of such sub-centres will be built throughout the country (Sarawak).

PEMBENAAN HOSPITAL DI-TIAP² DAERAH DI-SARAWAK

37. **Tuan Luhut Wan** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan membina hospital

di-tiap² daerah di-Sarawak dan sambil itu memperbaiki kemudahan² perubatan dan kesihatan yang ada di-kawasan² luar bandar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sarawak telah di-bahagikan kepada 15 daerah kesihatan dan 10 daripada-nya telah pun mempunyai hospital tiap² satu-nya. Pada akhir-nya tiap² daerah kesihatan akan mempunyai sa-buah hospital dan besar-nya hospital, itu bergantung kepada beberapa faktor yang akan di-selideki dengan teliti terlebih dahulu. Disamping itu Kementerian saya juga menekankan kepada perkhidmatan kesihatan luar bandar dan sa-hingga tahun 1972 Kerajaan berchadang untuk mendirikan 12 chawangan pusat perkhidmatan kesihatan dalam bentuk baru yang akan memberi perkhidmatan yang lebeh sempurna daripada apa yang dapat di-beri oleh chawangan pusat kesihatan yang ada sekarang. Dalam masa keseluruhan Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua 17 buah daripada chawangan pusat Kesihatan bentuk baru akan di-dirikan di-merata² negeri Sarawak.

(Dengan izin) Sarawak has been divided into 15 health districts out of which 10 have already a hospital each. Eventually each health district will have a hospital the size of which will depend on many factors which have to be studied carefully. Besides, my Ministry also puts emphasis on the rural health services and by 1972 Government proposes to build 12 rural health sub-centres of new types which will provide more complete services than what are being provided by the existing sub-centres. During the whole Second Malaysia Plan 17 of such sub-centres will be built throughout the country (Sarawak).

PASOKAN ASKAR WATANIAH DI-SARAWAK

38. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai-kah warganegara dari Sarawak yang telah di-lateh sa-bagai ahli² pasokan Tentera Wataniah dan berapa ramai-kah yang sedang bergiat chergas sekarang, dan apa-kah langkah² yang di-buat untuk mengambil orang² yang mana tenaga mereka maseh belum digunakan dengan sa-penoh-nya untuk perkhidmatan di-Sarawak supaya latehan² yang di-berikan kepada mereka tidak sesia bagitu sahaja.

Tun Dr. Ismail: Oleh kerana Pasokan Askar Wataniah maseh belum di-tubuhkan di-Sarawak, maka sa-hingga hari ini belum-lah ada lagi warganegara dari Sarawak yang di-lateh sa-bagai ahli² Pasokan Askar Wataniah. Rundangan² sedang di-jalankan dengan Kerajaan Negeri Sarawak pada masa sekarang ini untuk melaksanakan dasar ini.

(Dengan izin) As the Territorial Army Unit in Sarawak has not yet been set up no one to date has been given any form of training. Negotiations with the Sarawak State Government on the implementation of this policy is in progress.

PERKHIDMATAN TALIPON— LANGKAH² MEMPERBAIKI

39. Dato' James Wong minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar akan perkhidmatan talipon yang tidak memuaskan di-antara Kuching dan Bintulu, Kuching dan Miri dan Kuching dan Limbang, dan jika ya, apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V.T. Sambanthan): Perhubungan talipon di-antara Kuching dengan Bintulu, Miri dan Limbang ada-lah dengan VHF radio menyeberangi udara yang jauh dan bergantung kepada keadaan gangguan chuacha di-angkasa. Pada 'am-nya sistem ini tidak memuaskan. Itu-lah sebab-nya sambongan gelombang mikero saperti di-Malaysia Barat, sedang di-ranchang dan di-siapkan bagi Sarawak. Peringkat pertama dalam usaha memperbaiki perkhidmatan talipon di-antara bandar² ini akan di-jalankan pada awal 1972 apabila sambongan gelombang mikero di-antara Kuching dan Sibu yang berharga lebih kurang \$2.5 juta siap. Dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua, sambongan gelombang mikero di-antara Kuching, Sibu, Bintulu, Miri, Limbang dan Kota Kinabalu akan di-siapkan. Ini akan membolehkan litar yang bermutu di-adakan di-antara tempat² ini dan sa-benar-nya keseluruh Malaysia Timor dan Barat.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² (MEMPERBADANKAN) (PINDAAN) LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta (*Memperbadankan*) (*Pindaan*)

Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

QUARANTINE AND PREVENTION OF DISEASE (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Quarantine and Prevention of Disease Ordinance 1939 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Kesihatan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² SARAAN HAKIM²

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi Membuat Peruntukan Berkenaan Saraan Hakim² Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi di-Malaysia, di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Peguam Negara; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL²

AKTA EKSAIS, 1961 PERENTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN), 1971

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia itu menurut kuasa² yang di-berikan kepadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan dihadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No: 212, 1971 di-sahkan.

Ahli² Yang Berhormat barangkali maseh ingat bahawa dalam ucapan Belanjawan, 1971 pada 22hb Disember, 1970, satu daripada langkah menambahkan hasil ia-lah mengenakan chukai eksais atas semua jenis kipas angin kadar 10% atau \$5.00 satu, mengikut mana yang lebih tinggi. Rayuan² telah diterima daripada Pengusaha² kipas angin meminta Kerajaan mengurangkan chukai kerana chukai yang dikenakan sekarang di atas kipas angin yang blade-nya berukor tidak lebih daripada 8 inci diameter sangat-lah tinggi. Oleh kerana jenis kipas angin ini pada keseluruhannya di-gunakan oleh kumpulan orang² yang berpendapatan kecil maka ada-lah di-putuskan bahawa chukai di atas-nya patut dikenakan sa-banyak 10% atau \$1.50 satu sahaja, mengikut mana yang lebih tinggi. Tujuan perintah ini ia-lah untuk meminda structure chukai supaya kipas angin yang blade-nya berukor tidak lebih daripada 8 inci diameter dikenakan chukai sa-banyak 10% atau \$1.50 satu, mengikut mana yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 7 Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 212, 1971 di-sahkan.”

AKTA KASTAM, 1967 PERENTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 9), 1971

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 213 tahun 1971, di-sahkan.”

Tujuan perintah ini ia-lah untuk meminda “customs tariff classification” bagi kipas angin yang blade-nya berukor tidak lebih daripada 8 inci diameter. Ini ada-lah perlu di-sebabkan pemindaan kepada perjenisan tarif dan kadar chukai eksais atas kipas² angin sa-

bagaimana yang di-terangkan tadi apabila saya menandatangani satu usul atas Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang baharu sahaja di-luluskan oleh Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 213 tahun 1971, di-sahkan.”

AKTA KASTAM, 1967 PERENTAH DUTI KASTAM (PULAU PINANG) (PINDAAN) (No. 10), 1971

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 214, 1971 di-sahkan.”

Tujuan Perintah ini ia-lah untuk memanjangkan ka-Pulau Pinang “customs tariff classification” bagi kipas angin yang blade-nya berukor tidak lebih daripada 8 inci diameter seperti mana yang di-nyatakan dalam Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1971 yang baharu sahaja di-luluskan oleh Majlis ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 214, tahun 1971 di-sahkan.”

**ORDINAN EKSAIS, SARAWAK
(BAB 27)**

**PERENTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN),
1971 (NEGERI SARAWAK)**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 3, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 189, 1971 di-sahkan."

Tujuan Perintah ini ia-lah untuk meminda structure chukai eksais berkenaan dengan kipas letrik di-Sarawak supaya kipas angin kecil yang mana blade-nya berukor tidak lebeh daripada 8 inchi diameter di-kenakan chukai sa-banyak 10% atau \$1.50 satu, mengikut mana yang lebeh tinggi. Keterangan berkenaan dengan perubahan ini telah pun di-nyatakan dalam ucapan saya mengemukakan usul atas Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 bagi Malaysia Barat yang telah di-luluskan oleh Dewan ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 3, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 189, tahun 1971 di-sahkan."

**ORDINAN EKSAIS, SABAH, No. 18
TAHUN 1959**

**PERENTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN),
1971 (NEGERI SABAH)**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen (3), Ordinan Eksais, Sabah, No. 18 Tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 190, 1971 di-sahkan."

Tujuan perintah ini ia-lah untuk meminda structure chukai eksais berkenaan dengan kipas letrik di-Sabah supaya kipas angin kecil yang mana blade-nya berukor tidak lebeh daripada 8 inchi diameter di-kenakan chukai sa-banyak 10% atau \$1.50 satu, mengikut mana yang lebeh tinggi. Keterangan berkenaan dengan perubahan ini telah pun di-nyatakan dalam ucapan saya mengemukakan usul atas Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 bagi Malaysia Barat yang telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen (3), Ordinan Eksais, Sabah, No. 18 Tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1971 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 214, tahun 1971 di-sahkan."

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2), 1970**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67B usul yang berikut ini di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-sabuah Majlis.

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$33,078,340 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1970, dan bagi maksud Kepala dan Pechahan-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1971, di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan Kepala dan Pechahan-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu."

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1970 yang di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1971 menunjukkan perbelanjaan tambahan sa-banyak \$33,078,340, ia-itu tambahan kepada peruntukan yang telah di-luluskan untuk tahun 1970. Daripada jumlah ini, wang sa-banyak \$31,155,234 telah di-keluarkan sa-bagai pendahuluan daripada Wang Simpanan Luar Jangka yang di-tunjokkan di-bawah Kepala 151 dalam Anggaran Pembangunan, dan

mustahak-lah di-ganti jumlah pendahuluan yang tersebut dengan jalan anggaran tambahan.

Dalam Anggaran yang di-bentangkan itu akan di-lihat bahawa jumlah yang terbesar tambahan ini ia-lah mengenai Kepala 126 dibawah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menghendaki wang sa-banyak \$18,676,000. \$18.6 juta di-kehendaki sa-bagai pinjaman dan \$70,000 sa-bagai perbelanjaan chara langsung. Daripada wang pinjaman ini, sa-banyak \$10.7 juta telah di-bayar kepada Sharikat Jengka Sendirian Berhad untuk harga tukaran luar (Foreign Exchange) kerana membeli jentera dan perbelanjaan pengurusan projek Perhutanan Jengka itu. Bank Antarabangsa bagi Pembinaan dan Pembangunan (Bank Dunia) telah menguntokkan, pinjaman sa-banyak \$26 juta bagi membiayai projek ini. Bayaran \$10.7 juta itu ia-lah sa-bahagian dari pinjaman ini. Baki wang pinjaman sa-banyak \$7.9 juta itu ia-lah pinjaman Kerajaan kepada MARA untuk menanam modal ia-itu \$5.3 juta untuk Sharikat Kima untuk membeli jentera² dan \$2.6 juta sa-bagai saham MARA dalam Sharikat Jengka Sendirian Berhad itu. Perbelanjaan chara langsung sa-banyak \$70,000 ia-lah untuk membena satu bangunan bagi Taman Latehan Wanita di-Kuala Trengganu.

Peruntukan lain yang besar ia-lah mengenai Kepala 121 di-bawah Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang menghendaki wang sa-banyak \$4,160,020. \$3,660,000 dari jumlah ini di-keluarkan sa-bagai pinjaman dan \$500,020 sa-bagai perbelanjaan chara langsung. Jumlah sa-banyak \$3,660,000 itu ia-lah sa-bahagian daripada pinjaman yang telah di-luluskan kepada Badan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad untuk membeli kapal² dan perbelanjaan chara langsung sa-banyak \$500,000 itu ia-lah sa-bahagian dari pelaburan modal Kerajaan dalam Kilang Nanas di-Pontian.

Kepala 144—Talikom, menghendaki wang sa-banyak \$2.7 juta bagi pembinaan jalan² masuk ka-Steshen² Mikro di-Sabah berikutan dengan keputusan Kerajaan mengadakan talivishen di-Negeri Sabah pada penghujung tahun 1971. Wang sa-banyak \$2.47 juta ada-lah di-kehendaki bagi Kepala 146—Pelabohan², untuk pembinaan 3 buah gudang di-Port Swettenham dan membeli kelengkapan bagi mengatasi keadaan sesak yang berlaku di-Pelabohan itu. Kepala 132—Perhutanan—pula menghendaki wang sa-banyak \$1.42 juta bagi perbelanjaan menjalankan banchian mengenai sumber² hutan di-Negeri Sabah, dan wang

sa-banyak \$1 juta ada-lah di-kehendaki untuk Kepala 134—Kemajuan Kerjasama—sa-bagai pinjaman kepada Sharikat Kerjasama Serbaguna 'Awam Jabatan Perang Berhad (War Department Civilian Staff Multi-purpose Co-operative Socceity) bagi menolong Sharikat itu mengambil bahagian dalam perusahaan dan pertanian bagi faedah ahli²-nya.

Butir² lain yang berkehendakkan tambahan peruntukan ada-lah kechil jumlah-nya tetapi penjelasan yang lanjut bagi tambahan peruntukan yang di-kehendaki itu ada di-beri dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 9 tahun 1971.

Dengan tambahan sa-banyak \$33,078,340 yang di-minta dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1970 ini, maka jumlah yang di-untokkan bagi kesemua perbelanjaan dalam tahun 1970 daripada Kumpulan Wang Pembangunan akan menjadi sa-banyak \$1,008 juta ia-itu tidak termasuk \$40 juta bagi Simpanan Wang Luar Jangka. Akan tetapi perbelanjaan sa-benar bagi tahun 1970 ada-lah di-anggarkan dalam lengkongan \$653 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut Peratoran 67B Usul dan Anggaran Pembangunan, 1970, di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-sabuah Majlis.

MAJLIS MESHUARAT MENJADI JAWATAN-KUASA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*).

Kepala 101—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan supaya Kepala 101 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 101 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala 109—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Kepala 109 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$196,119 untuk Kepala 109 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala 113—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Kepala 113 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$100,000 untuk Kepala 113 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), tahun 1970.

Kepala 116—

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya satu sahaja iaitu Jabatan Imigresen yang memerlukan peruntukan tambahan di-bawah Kepala 116 pechahan-kepala I dan pechahan-kepala II.

Pechahan-kepala I ia-itu tempat Pemereksaan Imigresen Johor Bahru, tambahan sa-banyak \$140,000 di-perlukan. Dalam tahun 1969 berikutan dengan keputusan Majlis Gerakan Negara supaya di-laksanakan sistem pemereksaan keluar semua orang² asing yang telah di-beri pas tinggal sementara di-Malaysia, ada-lah perlu di-bena sa-buah bangunan kawalan keluar di-Johor Bahru. Projek yang meliputi benaan satu blok pentadbiran enam buah pondok, perabot², kelengkapan jalan² dan lain² lagi di-anggarkan berharga \$166,000 walau pun jumlah sa-banyak \$140,000 telah di-untukkan dalam tahun 1969 dengan chara pindaan peruntukan hanya sa-banyak \$272.00 sahaja telah di-belanjakan. Oleh kerana projek ini di-jangka siap pada hujung tahun 1970, peruntukan sa-banyak \$162,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1970 dan baki-nya ia-

itu wang simpanan akan di-masokkan dalam anggaran tahun 1971.

Daripada jumlah \$162,000 yang di-kehendaki itu sa-banyak \$22,000 telah di-untukkan dalam anggaran tahun 1970 dan \$140,000 telah di-dahulukan daripada simpanan luar jangka menurut Waran No. 20 tahun 1970.

Pechahan-kepala II Pejabat² Imigresen, Sabah, tambahan sa-banyak \$37,990 di-perlukan. Jumlah harga projek ini ia-lah sa-banyak \$130,000 yang mana wang sa-banyak \$42,010 telah di-belanjakan dalam tahun 1969 meninggalkan baki sa-banyak \$87,990. Dalam Anggaran Pembangunan tahun 1970 wang sa-banyak \$50,000 telah di-untukkan bagi menyambong kerja², tetapi oleh kerana bangunan itu di-jangka siap dalam tahun 1970, juga bagi wang sa-banyak \$37,990 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1970 bagi menemui pembayaran terakhir. Jumlah penoh sa-banyak \$37,990 telah di-dahulukan daripada simpanan luar jangka menurut Waran No. 42 tahun 1970.

Tuan Pengerusi, sekian-lah saya mengusulkan.

Tuan V. David (Dato' Kramat): (*Dengan izin*) In talking about the Supplementary Development Estimates on the Immigration Department, I would like to make one or two observations. Sir, especially in the Immigration Department it is observed that facilities are lacking to cope up with the present demand of tourists coming into this country and also of people travelling abroad. The Immigration Department especially in Kuala Lumpur needs a new building with facilities where members of the public can be dealt with promptly without being delayed. Even though it is now at Committee Stage, Sir, I would like to state another important fact which calls for the attention of the Minister and that is in the case of people who have to obtain Visit Passes to come into this country, even though the Visit Passes are for three months or six months, at times certain Immigration Officers demand that every two weeks or one week they should make a report to the Immigration Authorities and also the moment they arrive they must make their bookings for return. This, I feel, is absurd and when a person is given a Visit Pass for three months or six months within the period the visitor should not be harassed by the Immigration Authorities, Thank you, Sir.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$177,990 untuk Kepala 116 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan. (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala 118—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Kepala 118 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970. Tiada penjelasan yang saya ingin hendak tambahkan sa-lain daripada yang telah di-nyatakan di-dalam Kertas Perintah No. 9.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$142,800 untuk Kepala 118 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala 121—

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya mohon menchadangkan Kepala 121 menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan yang di-chadangkan. Anggaran Pembangunan yang di-kehendaki itu ia-lah bersangkutan dengan Pechahan²-kepala 6, 26, 29 dan 30. Dan ada keterangan yang chukup di-atas tiap² Pechahan-kepala yang di-sebutkan itu. Oleh itu saya tidak berchadang hendak membuat apa ulasan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya pohon sa-kira-nya dengan jasa baik Menteri yang berkenaan tolong huraikan sedikit lagi walau pun sa-chara ringkas ada penjelasan yang di-beri.

Tuan Pengerusi: Beliau tidak ada yang hendak di-huraikan, suroh huraikan macham mana?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya pohon, Tuan Pengerusi, daripada Menteri yang berkenaan, boleh atau tidak, itu terserah kepada beliau.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, Kertas Puteh ini tak boleh lebeh terang daripada itu—kalau tidak tentu tidak di-panggil bagitu. Jadi, saya harap Ahli Yang

Berhormat itu bacha-lah sa-lepas daripada Parlimen ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$500,020 untuk Kepala 121 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menchadangkan Anggaran Pembangunan (Tambahan) Yang Kedua bagi Kementerian Kesihatan di-bawah Kepala 123, Perubatan dan Kesihatan di-chadangkan menjadi sa-bahagian daripada Peruntukan Tambahan tahun ini. Bagaimana keterangan² penoh, saya harap Yang Berhormat semua ada membacha Kertas Perintah No. 9, tahun 1971, yang telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat. Kalau ada yang hendak bertanya sa-lain daripada itu, saya dengan hormat-nya akan menerangkan. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$10.00 untuk Kepala 123 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala 126 dan 134—

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya bangun menchadangkan Anggaran Tambahan dalam Pembangunan bagi tahun 1970 di-bawah Kepala 126. Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat wang tambahan sa-banyak \$7,906,000 adalah di-kehendaki sa-bagai pinjaman kepada MARA bagi perkara² saperti berikut:

- (i) \$5,306,000 ada-lah untuk membeli mesin bagi Sharikat Kima, dan
- (ii) \$2,600,000 sa-bagai saham bersama MARA dalam Sharikat Jengka Sendirian Berhad.

Kima Sendirian Berhad ada-lah sa-buah sharikat usaha-bersama antara MARA dan Textile Corporation of Malaya Berhad dan telah di-tubuhkan dalam tahun 1968. Susunan permodalan Sharikat ini ada-lah saperti berikut:

MARA—2,800,000 Saham	
Biasa yang berharga \$1.00	
tiap ² satu	\$2,800,000

Textile Corporation of Malaya Berhad 1,200,000 Saham Biasa yang berharga \$1.00 tiap ² satu	\$1,200,000
Jumlah ...	\$4,000,000

Tujuan sharikat ini ada-lah untuk mengeluarkan kain putih untuk pembatek², jua apabila sharikat ini berjalan dengan sa-penoh-nya akan memberi pekerjaan kepada lebih kurang sa-ribu orang.

Sa-lain daripada modal sa-banyak \$4 juta itu, sharikat ini perlukan pinjaman luar negeri daripada Britain dan Jepun untuk membeli jentera daripada negeri² yang berkenaan dan berjumlah lebih kurang \$9.2 juta dan ada-lah di-huraikan seperti berikut:

Britain	\$4.3 juta
Jepun	\$4.9 juta
Jumlah ...	\$9.2 juta

Daripada jumlah ini, \$5,306,000 ada-lah di-kehendaki untuk tahun 1970.

Peruntukan sa-banyak \$2,600,000 ada-lah di-kehendaki sa-bagai saham bersama MARA dalam Sharikat Jengka Sendirian Berhad dan bagi menjayakan projek perkayuan Jengka Tiga Segi di-Pahang yang telah di-lancarkan pada akhir tahun 1969. MARA telah menu-buhkan sa-buah sharikat ia-itu Sharikat Jengka Sendirian Berhad bersama² dengan Kerajaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Modal yang di-benarkan bagi Sharikat ini ia-lah \$20 juta dan susunan permodalan yang telah di-persetujui di-antara MARA, Kerajaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi menjayakan projek ini ia-lah seperti berikut:

MARA	\$10 juta
Kerajaan Negeri Pahang ...	\$ 3 juta
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	\$4.5 juta
Jumlah ...	\$17.5 juta

Penanaman modal oleh MARA sa-banyak \$10 juta dalam Sharikat Jengka Sendirian Berhad akan di-buat daripada wang pinjaman yang akan di-perolehi dari Kerajaan Pusat. Pechahan² peruntukan pinjaman yang telah di-luluskan ada-lah seperti berikut:

Anggaran Tambahan 1969 ...	\$ 1 juta
Anggaran Tambahan 1—1970	\$ 5 juta
Jumlah ...	\$ 6 juta

Oleh kerana dalam tahun 1970 Sharikat Jengka berkehendakkan perbelanjaan yang banyak bagi menjayakan projek ini, sa-jumlah \$2,600,000 ada-lah di-perlukan di-bawah Anggaran Tambahan Kedua dalam tahun 1970. Dengan Anggaran Tambahan ini maka jumlah peruntukan pinjaman yang di-luluskan sa-hingga akhir tahun 1970 ia-lah \$8.6 juta.

Di-bawah Pechahan-Kepala 5, wang tambahan sa-banyak \$70,000 ada-lah di-kehendaki bagi Taman Latehan Wanita. Peruntukan \$70,000 ada-lah di-gunakan untuk membayar kepada kontrektor² yang menyiapkan projek pembinaan bangunan tambahan Taman Latehan Wanita di-Kuala Trengganu. Peruntukan ini juga ada-lah di-gunakan untuk membeli perabot² dan lain² keperluan.

Di-bawah Pechahan-Kepala 10 pula wang tambahan sa-banyak \$10.7 juta ada-lah di-kehendaki sa-bagai pinjaman kepada Sharikat Jengka Sendirian Berhad. Bank Dunia telah bersetuju menguntokkan pinjaman sa-banyak \$26 juta kepada Kerajaan Malaysia yang mana akan di-pinjamkan pula kepada Sharikat Jengka Sendirian Berhad, Pahang, dengan harga projek perkayuan di-Jengka Tiga Segi, Pahang. Jumlah pinjaman ini akan di-gunakan untuk membiayai harga pertukaran luar yang mana termasuk barang² membeli alat² jentera dan pengurusan. Wang sa-banyak \$10.7 juta ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1970, dan jumlah ini telah di-dahulukan kepada sum-bangan Luar Jengka.

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 134—Kemajuan Kerjasama, Pechahan-Kepala 4 wang sa-banyak \$1 juta ada-lah di-kehendaki sa-bagai pinjaman kepada Sharikat Kerjasama Serbaguna Kakitangan Awam Jabatan Perang Berhad.

Sharikat Kerjasama Serbaguna Kakitangan Awam Jabatan Perang Berhad telah di-beri pinjaman sa-banyak \$1 juta untuk membantu Sharikat tersebut membeli Ladang Sydney, Semenyih, Kajang, berharga \$1.35 juta.

Pinjaman tersebut di-kenakan faedah sa-banyak 7% sa-tahun dan tempoh-nya ia-lah 10 tahun.

Luas ladang ia-lah 1,193 ekar; 660 ekar mengeluarkan hasil, 260 ekar di-tanam semula dan 200 ekar akan di-buka. Bilangan pekerja² ia-lah 150 orang.

Menurut anggaran di-atas pengurusan ladang ini, hasil yang boleh di-dapati dalam tahun 1971 berjumlah \$416,037. Jumlah perbelanjaan ia-lah \$278,423, dan kelebihan pendapatan daripada perbelanjaan ia-lah \$137,614.

Tuan Pengerusi, saya mohon anggaran ini di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$70,000 untok Kepala 126 dan \$1,000,000 untok Kepala 134 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Kepala² 130, 132 dan 133—

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya Kepala² 130, 132 dan 133 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) tahun 1970. Nampak-nya penjelasan² mengenai perbelanjaan di-bawah Kepala² ini telah pun terkandung dalam Kertas Perintah No. 9.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$320,188 untok Kepala 130; \$1,419,053 untok Kepala 132; \$200,000 untok Kepala 133 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Bil. 2), 1970.

Kepala² 135, 138, 139, 141, 142 dan 144—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon supaya saya dapat berjalan sa-kali Kepala² 135, 138, 139, 141, 142 dan 144 kena di-bawah jagaan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom. Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Kepala² yang saya sebutkan tadi ia-itu Kepala² 135, 138, 139, 141, 142 dan 144 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970. Penerangan² lanjut telah pun di-berikan di-dalam Kertas Perintah No. 9.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Pengerusi, saya hendak bangkitkan sedikit

sahaja. Dalam Kepala 138—Jalan Raya dan Jambatan². Bagi pehak ra'ayat negeri Johor, saya menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana menurunkan harga tol Jambatan Muar dan Batu Pahat. Dan ini atas ikhsan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat negeri Johor kali pertama. Bagi pehak ra'ayat dalam negeri Johor menguchapkan terima kasih dan menyampaikan sa-tinggi² penghargaan timbang rasa kepada ra'ayat yang susah payah kerana sewa yang mahal dan pada masa sekarang hanya 50 sen sahaja, motosikal perchuma, basikal perchuma, lori kena \$1. Jadi, saya harap dengan keadaan ini dimana juga jambatan yang ada dalam tanah ayer kita akan menjadi satu contoh seperti Jambatan Muar dan Batu Pahat dia turun sama juga. Sekian, terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan:

Wang sa-banyak \$150,050 untok Kepala 135; \$10 untok Kepala 138; \$10 untok Kepala 139; \$10 untok Kepala 141; \$10 untok Kepala 142 dan wang sa-banyak \$2,700,000 untok Kepala 144 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Bil. 2), 1970.

Kepala² 146, 147 dan 149—

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Kepala² 146, 147 dan juga 149 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970. Penerangan² yang lanjut ta' payah-lah saya beri lagi kerana sudah ada diterangkan dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1970.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$20 untok Kepala 146; \$1,241,427 untok Kepala 147; dan \$125,613 untok Kepala 149 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1970.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alomkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbang Usul yang telah di-edarkan kepada-nya dan bersetuju dengan usul itu. Sa-terus-nya saya menhadangkan supaya Usul yang ada di-dalam Atoran Urusan Meshuarat ini di-setujukan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$33,078,340 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1970, dan bagi maksud Kepala dan Pechahan-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 8 tahun 1971, di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan Kepala dan Pechahan-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.25 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Meshuarat*).

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN, 1970

Bachaa Kali Yang Kedua

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1970 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu di-bacha bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang² ini memberi kuasa bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$15,123,998 untuk perkhidmatan tahun 1970, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Rang Undang² itu dan juga dalam bahagian Perbelanjaan Bekalan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga tahun 1970 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 31 tahun 1971. Daripada jumlah yang di-pohon untuk perbelanjaan tambahan ini, maka sa-banyak \$4,995,847 telah pun di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Jangka untuk perbelanjaan segera, dan jumlah ini kena di-ganti balek kepada Kumpulan Wang itu.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat perhati daripada jumlah \$16,555,446 yang di-masokkan dalam tambahan ini, sa-banyak \$1,431,448 ada-lah di-perlukan untuk perbelanjaan yang telah di-tanggongkan ka-atas Kumpulan Wang Yang di-Satukan ya'ani charged expenditure, yang mana jumlah-nya tidak di-masokkan dalam Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini. Dua butir perbelanjaan yang besar yang di-tanggongkan ka-atas Kumpulan Wang Yang di-Satukan itu ia-lah pertama-nya untuk serahan sa-bahagian daripada chukai ekseptot bijeh besi kepada negeri² Kedah, Perak, Selangor, Pahang dan Trengganu ya'ani berjumlah \$969,605 dan kedua serahan sa-bahagian daripada chukai ekseptot lain² bijeh galian ya'ani sa-lain daripada timah dan bijeh besi, kepada negeri² Trengganu, Perak, Selangor dan Johor jumlah-nya \$461,523. Peruntukan yang sedia ada di-dalam Anggaran untuk melakukan serahan² itu telah di-dapati tidak menchukupi, oleh itu peruntukan tambahan ada-lah di-perlukan.

Anggaran Belanja Mengurus tahun 1970 yang asal di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut sekshen 3, Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 berjumlah \$2,282.2 juta. Di-champur kedua²-nya ia-itu perbelanjaan "Bekalan" dan "Tanggongan" dalam tambahan yang lalu dan sekarang, jumlah peruntukan bagi tahun 1970 menjadi \$2,364.2 juta. Akan tetapi perbelanjaan sa-benar-nya ada-lah dalam lengkongan \$2,220 juta.

Di-antara perbelanjaan² bekalan dalam tambahan ini, jumlah yang terbesar sa-kali ia-lah mengenai Kepala B. 17—Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran yang memerlukan wang sa-banyak \$9.51 juta yang \$9.5 juta daripada-nya ia-lah kerana menampung kekurangan untuk pemberian kepada sekolah² rendah, dan \$14,252 ada-lah sumbangan Malaysia kepada Institute Pelajaran Tinggi dan Pembangunan Bagi Asia Tenggara di-Singapura.

Kepala B. 21—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan memerlukan tambahan sa-banyak \$3,904,639 yang \$2,650,000 daripada-nya ia-lah untuk pinjaman kepada Kerajaan² Negeri Kelantan ya'ani sa-banyak \$2.4 juta dan Perlis \$250,000.

Bantuan kerana Chukai Tempatan kepada Lembaga² Tempatan memerlukan \$500,000.

Pemberian bagi jalan raya kepada Perbendaharaan² dan Majlis² Bandaran memerlukan \$354,639 dan baki sa-banyak \$400,000 ia-lah untuk tambahan kepada peruntokan Perkhidmatan Rahsia.

Kepala B. 33—Penjara, memerlukan wang sa-banyak \$628,151 yang daripada-nya \$508,151 ia-lah untuk pembayaran tunggakan gaji kepada pegawai² Bahagian IV terbit daripada perlaksanaan sekim gaji Surohan-jaya Suffian yang di-kuat-kuasakan pada 1hb Mei, 1969 dan \$120,000 ada-lah untuk harga chatuan² bagi orang² dalam tahanan di-Pusat Tahanan, Kuching.

Butir² perbelanjaan yang lain dalam anggaran tambahan ini yang tidak saya sebutkan itu ada-lah kechil sahaja dan keterangan²-nya boleh-lah di-dapati di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 32 tahun 1971. Yang Berhormat Menteri² yang berkenaan akan memberi huraian yang di-kehendaki dalam peringkat Jawatan-kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, though what I may say at this session does not matter much in view of the fact that the amounts have already been paid or spent, I wish to make certain observations on certain items.

I would like to draw the attention of this House to Penjara. On this subject \$628,000 has been paid. When talking about Penjara, as we have heard this afternoon, much has been said about Detention Camps and Prisons. Once again, Sir, with a clear understanding of what is prevailing in the Detention Camps, I would invite the relevant Ministry responsible for maintaining Detention Camps and Prisons to review the entire position in respect of facilities to detainees and prisoners. Numerous petitions have been received by Members of Parliament explaining the most inhuman conditions in Detention Camps. There have also been a number of strikes, hunger strikes, especially in the Batu Gajah Detention Camp; and the authorities cannot ignore the demands and necessities which have become absolutely necessary for Government's consideration.

We on this side of the House, Sir, would like to have an independent Commission of Enquiry, an Enquiry to be headed—especially for a Commission of this nature it would be more appropriate to be headed—by a High Court Judge who would be the competent authority to go into the details and the functioning of the various Detention Camps and the complaints the detainees have.

I am sure quite a number of detainees have been there for more than five years, some have even been there for seven to eight years, not knowing when they would be released. Under such circumstances, the Government cannot show deaf ears to repeated complaints both in this House and outside expressed by leaders of various Opposition parties.

Mr. Speaker, Sir, we also come to know that the prison authorities have not gone into the problem of rehabilitating prisoners. This is one of the most fundamental social problems which calls for Government's attention—the rehabilitation of prisoners who have served sentence in the various prisons of this country. The Government must allocate or set aside certain amount of money under the responsibility of trained personnel who know about rehabilitating prisoners and see, when the prisoners are released, that they are given an opportunity to earn a living and be accepted as members of the society.

Sir, on the question of Detention Camps, I once again repeat that a public enquiry is extremely important in order to be fair to the detainees who are being detained without being tried in any Court. Many hidden factors, which prevail in Detention Camps can be brought to light, and I can speak like many of my colleagues here with authority because we know what are Detention Camps and how detainees are being bullied and treated in the various Camps. Therefore, Sir, I am sure the Government will not treat this lightly and will give its utmost consideration to the various pleas made by Members of the Opposition.

Sir, on the item, Kementerian Luar Negeri, much has been said in the Press about the emerging diplomatic ties with People's Republic of China. Sir, it should not only remain as an expression of sentiment alone, but we would like to know the positive steps taken in this direction of non-alignment. The foreign policy of the present Government has remained, and yet it remains, a confusion,

because of the fact that on the one hand the Government attempts desperately to please the "Big Powers", like the United States, and on the other hand it justifies by stating that it stands for non-alignment. Sir, the principles of non-alignment should be to preserve peace and stability in Asia. For this, no one in Asia, no government in Asia can ignore the existence of 700 million people. So, therefore, Sir, we on this side of the House believe in the concept of "One China" and we invite the Government to take the necessary steps to immediately commence diplomatic ties with the People's Republic of China, and we also request that the most clear and definite stand should be taken in the United Nations. We should iron out the theory of "Two Chinas" and must contribute our part within the definition and spirit of non-alignment as envisaged by the Bandung Conference in 1955.

Sir, I, with great regret and pain, would like to make my observations on the staffing in our foreign embassies. Foreign embassies are extremely important in order to strengthen goodwill and understanding with other countries. But, unfortunately, Sir, some of our embassies are staffed by pleasure-loving teddy boys who cannot even behave themselves at times and, if necessary, at a later stage I may be able to produce certain facts.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Mr. Speaker, will he give way?

Tuan V. David: Yes, Sir.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: I don't like the Honourable Member to speak in general terms. If he has got any complaints against any of the members of the staff in our foreign embassies, he should bring in such complaints in specific terms.

Tuan V. David: Sir, I am sure we are going to debate the Five-Year Development Plan and other things in the course of the sitting. But my general observation is that staff appointed to the embassies should be with certain requirements which they should meet. No appointment should be made because Mr. "A" knows him or Mr. "B" knows him or because he is related to "B" or "A", but persons who have the talents and the skill and who could act with responsibility, with caution and care, to keep up with the name of our country should be appointed. I am sure the Minister will not

disagree with me on this. What we are trying to stress from this side of the House is, our observation is, that in some embassies these requirements are absent and that when appointments in future are made, we hope the Minister concerned will bear this in mind. If any special instances are required, I am prepared to write to the Minister how it should be and where the mistake lies.

Sir, coming to the allocation made to the Education Ministry—\$35,000—we have at all times expressed in categorical terms how the primary schools are in this country and how many parents are unable to send their children to schools. There is no point of drawing up plans for higher education, higher education institutions, when the basic foundation itself needs to be looked into.

In many parts of our country hundreds of thousands of children are unable to attend primary schools because of the lack of facilities in the area where they live—text-books and transportation—and these requirements are not being fulfilled in certain parts of our country and the parents find it difficult to send their children to schools. So when education is being planned, I am sure the new Minister will bear the practical needs than following reports by persons who have not had the opportunity of going into the practical difficulties. Every year text-books are being changed and in a family the books which are being used by a child cannot be used again by the other child younger to the child who will be continuing his/her education after a year or two. So such changes should be prevented at all costs and standard text-books should be there at least to follow for a number of years. These are minor observations which I am sure the Minister when planning on education would be able to bear in mind. That is all. Thank you, Sir.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sa-penoh²-nya berkenaan dengan R a n g Undang² ini, tetapi saya suka untuk memba-wa satu dua perkara. Ini berkenaan dengan perbelanjaan pertama sa-kali Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am sa-banyak \$40,826. Sa-lepas kita merdeka kita buat pembangunan luar bandar. Kita tahu banyak orang² kampung, terutama sa-kali orang² Melayu di-kampung² papa hidup-nya, susah dan menderita. Di-sini harga getah makin lama makin merosot. Orang yang 45 tahun ka-

atas umor-nya untuk masok ranchangan luar bandar untuk mengambil tanah tidak ada berpeluang langsung. Jadi makin lama orang² Melayu di-kampong² makin lama makin papa oleh kerana yang tua² itu tidak ada dapat peluang langsung—tanah ada satu ekar, sa-tengah²-nya tidak ada mempunyai tanah langsung. Memotong getah pada hari ini bukan lagi memotong kulit getah, tetapi batang getah yang di-potong, bukan lagi memotong di-sa-belah bawah, tetapi memikul tangga sampai ka-dahan getah yang di-potong. Dengan sebab itu makin lama makin susah orang di-kampong. Apabila susah orang kampong maka mereka terpaksa-lah mengadu kepada Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am. Ada yang di-namakan Kebajikan 'Am Daerah Negeri dan juga Federal. Kebajikan daerah menolong orang yang miskin ini \$3.00 sa-bulan, sa-tinggi²-nya \$10 sa-bulan. Sa-orang miskin mempunyai anak 10 orang, \$10 sa-bulan hendak mendapatkan bantuan² ini kadang² tiga bulan sa-kali di-bayar; itu pun berulang alek sampai sa-puluh kali, tam-bang bas sahaja habis. Terpaksa jalan kaki.

Jadi, kalau-lah \$40,800.26 sahaja ada-lah saperti sa-titek ayer dalam lautan yang begitu lebar.

Tuan Yang di-Pertua, orang² Kerajaan, baik Division IV, III, II dan I ada mempunyai penchen, tidak menjadi apa. Orang² yang bekerja di-kilang ada E.P.F.-nya, tetapi orang kampong kita, yang bekerja memotong getah, bersawah padi, dia tidak ada E.P.F.-nya. Siapa hendak menolong dia. Apabila ber-umur 50 tahun di-mana bantuan mendapat daripada E.P.F., tidak ada, dengan sebab itu mereka ini merayu-lah kepada Kerajaan. Beribu pada hari ini yang chukup miskin, yang chukup menderita. Ada sa-tengah-nya. Tuan Yang di-Pertua, ini boleh di-siasat kalau tidak perchaya, orang tua sudah 60 tahun umor-nya, kemudian minta bantuan enam bulan sahaja, enam bulan—lepas enam bulan review balek. Orang miskin yang 60 tahun ini tidak akan menjadi kaya dalam enam bulan.

Jadi, bagaimana hal-nya, makin lama makin banyak yang susah bagini, yang tua; yang muda boleh-lah masok itu dan ini, tetapi yang tua ini, dengan sebab itu saya harap perbelanjaan untuk Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am sa-banyak \$40,800.26 hendak-lah di-tambah sa-puluh kali ganda, sa-ratus kali bukan \$40,000—tetapi di-jadikan \$4,000,000 lebeh baik, sebab banyak sangat yang miskin.

Kedua berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Kementerian Belia dan Sokan, Menteri-nya pun tahu bukan main banyak belia yang tidak mempunyai pekerjaan dan tidak ada training; di-Dusun Tua, itu dan ini, enam bulan atau sa-tahun. Sa-lepas training ini atau kursus ini ada yang pandai menggergaji, ada yang tahu pandu trailer, itu sahaja training-nya. Yang saya berkehendakkan ia-itu jikalau hendak menolong pemuda², terutama sa-kali pemuda² Melayu kerana pemuda Melayu ini tidak ada peluang untuk mendapat kursus² di-tempat² lain maka di-beri mereka betul² bersekolah tiga tahun, kursus tiga tahun supaya dia menjadi sa-orang yang berguna, boleh dia membuat satu pekerjaan yang chukup mahir. Ini sa-tahun ada-lah macham melepaskan kucing batok di-tangga sahaja.

Jadi, saya harap kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini kalau betul² hendak menolong, terutama sa-kali belia² Melayu, di-adakan latehan² yang chukup, baharu-lah di-terima oleh factory² atau pun baharu dia boleh buat kerusi meja yang betul. Kalau tidak senget-lah kerusi meja yang di-buat-nya, tentu-lah tidak laku di-jual.

Jadi, Kementerian ini juga mesti di-beri banyak lagi wang untuk membuat itu dan ini. Ini-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya berkenaan dengan perkara² ini dan saya harap Kementerian yang bertanggung-jawab. Bukan saya hendak mengkeritik—tidak, tetapi ini ada-lah perkara yang sa-benar²-nya dan patut-lah di-siasat dengan sa-benar²-nya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, just a few words on Head B. 16 which requires a supplementary provision of \$35,000/- — Kementerian Pelajaran. I wish to refer to a burning question in the schools today which is connected with the standard of teaching which itself is not unrelated to the subject of teachers' salaries. This is a problem which has been created by the switch of the media of instruction in all National Type English Primary Schools and all these National Type English Primary Schools have now switched the media of instruction from English to Bahasa Malaysia for Standards 1 and 2 classes. For Standards 4 and 5 classes all subjects apart from Science and Maths are being taught in Bahasa Malaysia. There will be future conversions of the teaching media so that by the end of this decade Bahasa

Malaysia will be the sole teaching medium in Government Aided Primary as well as Secondary Schools.

The question I want to ask is this: has the Ministry of Education made adequate preparation before making this switch to ensure that the teaching and education standards in these schools do not fall and that the students do not become victims of an unplanned or very poorly planned switch in the media of instruction? Is the Minister of Education aware that a large number of teachers affected by the switch in the teaching media are not qualified and competent to teach their subjects in Bahasa Malaysia. This is not the fault of the teachers who were educated in the English Schools and trained to teach in the English medium. Although there are in-service Bahasa Malaysia Courses, I gather that these courses do not really equip these teachers to have sufficient teaching knowledge of the language which is not merely to read out the lesson in the prescribed text-books to the class but to explain, converse and discuss the subject in depth with the students. This calls for a fluency of the language which not many teachers in this category possess. In fact there are teachers who do not know what they are teaching because despite their plea to their Principals that they could not teach in Bahasa Malaysia they are nonetheless assigned to teach in Bahasa Malaysia because of the shortage of teachers in schools. A situation is arising where teachers go to their schools without really imparting knowledge to the student and their failure in giving notes in Bahasa Malaysia is because they are not fluent in the language. The result is that students go home with very vague and hazy ideas as to what they have been taught in schools and as a result an entire generation of students are growing up in the National Type English Primary Schools who are not getting the best education and teaching that they are entitled to because of the unplanned or very poorly planned switch in the media of instruction which, as a result, has converted qualified teachers into unqualified teachers. The teachers, the teachers' Unions, the Principals, the Education authorities, members of the public and parents are aware of this shocking state of affairs, but nobody dares to speak up for fear of being branded as disloyal, anti-national or even traitorous.

I submit that this is a very serious problem which we must handle sanely, rationally and

completely removed from emotionalism and hysteria. Let us try to find a solution to this problem without trying to look for scapegoats or to embark on a tirade of character assassination. It is our duty to see to it that the new Malaysian generation of children get the best education we can give them, and I, therefore, propose that a Committee of Enquiry be set up with Government Representatives, Opposition Leaders and Teachers' representatives, to:

- (i) ascertain how unprepared the National Type English Primary Schools and teachers are for this switch in the medium of instruction from English to Bahasa Malaysia;
- (ii) the effect it has and will have on the educational and teaching standards in these schools;
- (iii) proposed measures to remedy these adverse effects on education and teaching standards to ensure that the school children do not suffer as a result of the implementation of the switch in the media of instruction without adequate preparation and planning.

